

**BILANGAN 24
LAGU SAYA YANG TERPILIH**

		
Lagu saya yang terpilih ialah	Lagu yang tak sengaja pilih ialah	Lagu yang dipilih oleh saya ialah

Seramai 6 orang peserta peringkat separuh akhir Anugerah menyatakan tajuk lagu yang akan dinyanyikannya dengan kenyataan yang di sebelah kiri. Mungkin, peserta-peserta tersebut menyatakannya berdasarkan skrip yang disediakan pihak penertbit.

Kenyataan tersebut boleh mengelirukan penonton kerana frasa 'lagu saya' merujuk kepada 'lagu ciptaan / nyanyian' peserta berkenaan. Sedangkan, lagu yang akan disembangkannya merupakan lagu yang diundi. Jadi, kenyataan tersebut seharusnya berbunyi; "Lagu pilihan saya (ialah)" atau "Lagu yang saya pilih (ialah)"

Kenyataan di sebelah kanan dianggap tidak baku kerana sebagai ayat pasif diri pertama (ayat pasif diri kedua juga), ayat tersebut tidak memerlukan kata sendi nama 'oleh'. Ayat contoh:

Ayat pasif diri pertama:

- 01 Lagu yang saya pilih (bukan lagu yang dipilih saya / oleh saya)
- 02 Lagu yang kupilih (bukan lagu yang dipilihku / dipilih olehku)
- 03 Lagu yang kami pilih (bukan lagu yang dipilih kami / oleh kami)

Ayat pasif diri kedua :

- 04 Lagu yang anda pilih (bukan lagu yang dipilih anda / oleh anda)
- 05 Lagu yang kaupilih (bukan lagu yang dipilih kau / olehkau)
- 06 Lagu yang kamu pilih (bukan lagu yang dipilih kamu / olehmu / oleh kamu)

Sementara ayat pasif diri ketiga dibolehkan berbentuk demikian:

- 07 Lagu yang dipilih (oleh) peserta kelima (bukan lagu yang peserta kelima pilih)
- 08 Lagu yang dipilih (oleh) Syed Sobri (bukan lagu yang Syed Sobri pilih)
- 09 Lagu yang dipilihnya / dipilih olehnya (bukan lagu yang dia pilih)
- 10 Lagu yang dipilih (oleh) mereka (bukan lagu yang mereka pilih)

Sementara kenyataan di tengah pula amat rancu. Kenyataan tersebut menggambarkan 'lagu' tersebut yang membuat pilihan, bukan pesertanya.

(Sila klik gambar untuk menonton klip videonya)